

28 MAR 2001

ISU PERPECAHAN SELESAI JIKA PAS TARIK BALIK "AMANAT HAJI HADI"

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Pas yang mendakwa memperjuangkan Islam perlu membuktikan apa yang diperkatakannya itu dengan menyelesaikan permasalahan umat Islam negara ini yang berpunca daripada "Amanat Haji Hadi".

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman berkata masalah perpecahan umat Islam di negara ini dapat diselesaikan dengan cepat dan mudah jika Pas menarik balik amanat itu.

"Itulah (Amanat Haji Hadi) yang menjadi punca (perpecahan), kita harap dia ikhlas untuk menarik baliknya dan selesailah segala masalah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri pelancaran majlis pemimpin bersama rakyat peringkat kebangsaan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Abdul Hamid menjawab pertanyaan pemberita mengenai keengganan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor untuk menarik balik "Amanat Haji Hadi" dan sebaliknya mahu Umno membuktikan amanat itu telah menyeleweng daripada ajaran Islam.

Ditanya apakah tindakan yang boleh diambil jika Pas berkeras tidak mahu menarik balik amanat itu, beliau berkata menggunakan nama Islam untuk mengelirukan umat Islam boleh dikenakan tindakan undang-undang.

"Pas kena tarik balik...jangan sampai tindakan undang-undang diambil kerana ia akan menyebabkan keadaan keluh-kesah di kalangan umat Islam negara ini," katanya.

-- BERNAMA
MHI MAM MAI